

More

Parti Sosialis Malaysia Semenyih

Pusat Khidmat Rakyat PSM cawangan Semenyih
& ahli majlis kawasan Semenyih.

Berkhidmat kepada penduduk Kajang, khususnya
di sekitar kawasan Semenyih. Kebajikan rakyat
diutamakan.




Tuesday, May 10, 2011

3-5-2011 Sengsara Kem Kamunting dan siapa dibelakang ISA



Hari ini saya dijemput menjadi ahli panel Forum Siapa dibelakang ISA dan juga melancarkan buku Sengsara Kem Kamunting tulisan Sairi Sungip

Gerakan Mansuhkan ISA (GMI) dan Civil Rights Committee, KL & Selangor Chinese Assembly Hall (CRC) dan Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) hari ini melancarkan buku yang ditulis Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor (Adun) Hulu Kelang, Saari Sungib, bertajuk Sengsara Kem Kamunting: Kisah Hidup dalam Penjara ISA.

Pelancaran buku tersebut telah diadakan di Dewan Seminar Tingkat 2, KL & Selangor Chinese Assembly Hall.

Di samping pelancaran buku, turut diadakan diskusi yang bertajuk 'Siapa di

belakang ISA? yang dibarisi Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar, Setiausaha Agung Parti Sosialis Malaysia (PSM), S. Arutchelvan dan aktivis sosial, seni dan penulis yang juga merupakan bekas tahanan ISA, Hishamuddin Rais.

'Sengsara Kem Kamunting' dedah derita tahanan ISA

Wednesday, 04 May 2011 17:12 MS FiSab Share17]

KUALA LUMPUR – Buku 'Sengsara Kem Kamunting: Kisah Hidup dalam Penjara ISA' telah dilancarkan oleh Gerakan Mansuhkan ISA (GMI), Civil Rights Committee, KL & Selangor Chinese Assembly Hall (CRC) dan Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) pada malam Selasa 3 Mei 2011 di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSACH). Buku ini ditulis oleh bekas

tahanan ISA yang kini Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kelang, Saari Sungib, atau lebih mesra dengan panggilan Pak Abu.

ADUN Teja, Perak, Chang Lih Kang dijemput untuk mengulas mengenai buku tersebut. Beliau kagum

Hubungi Kami (Contact)

EMAIL

psmsemenyih@gmail.com

TEL

03-87237791

012-3797310

019-2612259

WAKTU OPERASI

Isnin: 10 am -6 petang

Perjumpaan bersama Sdr Arul setiap hari Selasa selepas 12 pm

Facebook



Twitter

Tweets from @PSMenyih12



Nothing to see here - yet

When they Tweet, their Tweets will show up here.

[View on Twitter](#)

Sumbangan Tabung Perjuangan Rakyat



dengan penulis buku ini yang mempunyai ingatan kuat dengan menceritakan dengan terperinci setiap peristiwa yang berlaku ke atasnya sepanjang penahanan di Kem Kamunting. Secara berseloroh, beliau berpandangan buku yang ditulis oleh Saari Sungib ini memberi panduan persediaan yang lengkap untuk 'bakal' tahanan ISA.

Setiap peristiwa yang dinukilkan membuktikan bahawa ISA digunakan untuk memelihara kepentingan politik pemerintah dengan pendedahan taktik-taktik kotor SB (Special Branch) menggunakan 'mental torture' supaya tahanan menyokong pemerintah, mengubah pendirian daripada menentang pemerintah atau membenci pembangkang dengan pelbagai cerita bohong yang direka. Chang mengharapkan buku 'Sengsara Kem Kamunting' mampu menjadi penyuntik semangat dan menyemarakkan lagi semangat rakyat untuk melawan ISA.

Buku tersebut merakamkan imbauan pengalaman penulis dan rakan-rakan bagi tahun pertama ditahan ISA, iaitu dari April 2001 hingga April 2002. Ia mengenang apa yang dilalui semasa berada di bawah tahanan pegawai polis cawangan khas (SB) selama dua bulan sebelum penulis dihantar ke Kem Kamunting. Penulis berkongsi perihai apa yang dilalui, dirasai, direnungi dan pengalaman-pengalaman orang lain yang dihayati, khususnya pengalaman mereka yang melalui nasib sama dipenjarakan atas motif politik. Ia merakamkan dengan terperinci pengalaman penulis dan rakan-rakan melancarkan mogok lapar sempena tahun pertama ditahan di bawah ISA. Buku ini tamat sebaik sahaja ia mengisahkan bagaimana kempen mogok lapar berakhir.

Majlis pelancaran buku tersebut diserikan lagi dengan forum yang bertajuk: 'Siapa di belakang ISA?' yang dipengerusikan oleh Syed Ibrahim Syed Noh (Pengerusi GMI), menampilkan tiga ahli panel iaitu S Arutchelvan (Setiausaha Agung Parti Sosialis Malaysia), Hishamuddin Rais (Aktivis Sosial, Seni dan Penulis) dan Nurul Izzah Anwar (Ahli Parlimen Lembah Pantai). Setiap ahli panel mengupas dengan menarik yang membawa kepada kesimpulan bahawa ISA menjadi alat untuk menjaga kepentingan individu atau pihak tertentu atas nama keselamatan negara



Hong Leong Bank - 20100019070

CUKAI GST: CUKAI YANG MISKINKAN RAKYAT



Kategori

- [Alam Sekitar \(1\)](#)
- [BERSIH \(3\)](#)
- [Kenali PSM \(3\)](#)
- [Mahasiswa \(4\)](#)
- [Perumahan \(5\)](#)
- [Program \(2\)](#)
- [PRU13 \(9\)](#)
- [Videos \(3\)](#)

Local Links

- [Website PSM](#)
- [Pemuda Sosialis](#)
- [PSM Sg Siput](#)
- [PSM Kajang](#)
- [PSM Kota Damansara](#)
- [PSM Cameron](#)
- [PSM Jelapang](#)
- [Zon 18 MBSA \(PSM\)](#)
- [SUARAM](#)

Like 0

Posted by PSM Semenyih at [5/10/2011 02:40:00 AM](#)

No comments:

[Post a Comment](#)

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)

[BERSIH](#)

[JERIT](#)

Arkib Blog

- ▶ [2016 \(68\)](#)
- ▶ [2015 \(7\)](#)
- ▶ [2014 \(21\)](#)
- ▶ [2013 \(169\)](#)
- ▶ [2012 \(165\)](#)
- ▼ [2011 \(292\)](#)
 - [December \(5\)](#)
 - [November \(12\)](#)
 - [October \(12\)](#)
 - [September \(13\)](#)
 - [August \(10\)](#)
 - [July \(5\)](#)
 - [June \(15\)](#)
 - [May \(35\)](#)
 - [April \(42\)](#)
 - [March \(40\)](#)
 - [February \(42\)](#)
 - [January \(61\)](#)
- ▶ [2010 \(317\)](#)
- ▶ [2009 \(270\)](#)
- ▶ [2008 \(69\)](#)